

# Tutor UTHM terima anugerah dari Jepun

BATU PAHAT 5 Ogos - Nama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kini semakin dikenali di peringkat antarabangsa apabila salah seorang tenaga pengajarnya bakal menerima anugerah Young Investigator's Award di Fukuoka, Jepun pada 3 September ini.

Menerusi penyelidikan bertajuk *Hand Arm Vibration Syndrome Among Hand Held Grass Cutter Workers in Malaysia*, tutor daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Nor Azali Azmir terpilih untuk menerima anugerah tersebut.



**NOR AZALI AZMIR**

tersebut.

N o r  
A z a l i  
berkata,  
s u b j e k  
k a j i a n  
b e l i a u  
m e m -  
f o k u s k a n  
k e p a d a  
g o l o n g a n

pemotong rumput yang sentiasa terdedah kepada getaran tangan yang tinggi semasa bekerja.

"Hasil kajian mendapati terdapat tanda bahawa mereka akan mengalami hilang upaya di tangan dan lengan akibat terdedah kepada getaran mesin pemotong rumput.

"Penyiasatan ini juga telah mendedahkan bahawa pekerja pemotong rumput di Malaysia mempunyai risiko tinggi untuk mengalami Hand Arm Vibration Syndrome (HAVS)," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Young Investigator's Award merupakan anugerah yang diberikan kepada penyelidik muda sempena The Asian Association for Occupational Health (AAOH) yang merupakan forum antarabangsa untuk membincangkan isu-isu berkaitan kemalangan industri dan penyakit dalam sektor pekerjaan.

Tambah Nor Azali, beliau amat bersyukur dengan penganugerahan tersebut dan berharap penyiasatan atau penyelidikan dalam bidang Occupational Safety and Health (OSH) lebih giat dijalankan di negara ini.